

TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN PADA MAJLIS AIDILFITRI BERSAMA KUKUM DI KAMPUS KUBANG GAJAH, ARAU PADA 2 DISEMBER 2004.

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.

YANG AMAT BERHORMAT, DATO SERI SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI BESAR PERLIS DAN DATIN SERI,

YANG BERHORMAT ENCIK MAT ZARA'AI BIN SALLEH, PENASIHAT UNDANG-UNDANG KERAJAAN NEGERI PERLIS DAN ISTERI

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABU BAKAR BIN HAJI ISMAIL, AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERLIS DAN DATIN,

YANG BERHORMAT TUAN HAJI KHAIRI BIN HASSAN, AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERLIS DAN ISTERI

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN REKTOR KUKUM,

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

DIF-DIF KEHORMAT,

WAKIL-WAKIL MEDIA,

WARGA KERJA KUKUM

MAHASISWA-MAHASISWI KUKUM YANG DIHORMATI SEKALIAN.

ALLAH HU AKBAR ALLAHU HU AKBAR, LA ILAAHA ILLALLAHU WALLAHU
AKHBAR, ALLAHU AKBAR, WA LILLAH HILHAMD.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA DI ATAS LIMPAH
KURNIA SERTA REZEKI YANG DICURAHKAN, KASIH DAN SAYANG-NYA
MENGIZINKAN KITA SEMUA UNTUK MELAPANGKAN MASA,
MEMERIAHKAN SUASANA AIDIL FITRI MINAL AIDIL WAL FAIZIN DI BULAN
SYAWAL PADA TAHUN INI.

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK
MENGALU-ALUKAN KEDATANGAN PARA TETAMU JEMPUTAN DAN DIF-DIF
KEHORMAT YANG TELAH SUDI MELAPANGKAN DIRI, MELUANGKAN
SEDIKIT MASA UNTUK HADIR KE MAJLIS AIDILFITRI BERSAMA KUKUM.
KEHADIRAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA SUDAH PASTI
MENAMBAHKAN SERI, MEMAHAT MEMORI MAJLIS KAMI INI.

UCAPAN SYABAS DAN TAHNIAH JUGA DIUCAPKAN BUAT SELURUH AHLI
JAWATANKUASA MAJLIS AIDILFITRI BERSAMA KUKUM KERANA
KOMITMEN YANG TINGGI DALAM USAHA MENYATU IDEA,
MENYEMPURNA KERJA, MENZAHIR UPACARA, MEMASTIKAN PROGRAM
INI BERLANGSUNG SERTA TERLAKSANA DENGAN PENUH ADAB DAN
JAYANYA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

30 HARI BERPUASA DI BULAN RAMADHAN MENGAJAR KITA BANYAK PERKARA. KITA DILATIH MELAWAN NAFSU, MULUT DIHALANG DARI MENGUMPAT DAN MENGEJI, PERUT DIKEKANG DARI DIISI DENGAN PELBAGAI MAKANAN, TELINGA DAN MATA PULA DIPASTIKAN TIDAK MENDENGAR DAN MELIHAT PERKARA-PERKARA YANG HARAM. PADA MASA YANG SAMA, RAMADHAN MELATIH KITA MENGERJAKAN BANYAK AMALAN SUNAT SEPERTI MEMBACA AL-QURAN, BERSEMBAHYANG SUNAT, BERSEDEKAH, BERZAKAT, BERZIKIR DAN BERTAFAKUR.

LATIHAN YANG KITA AMALKAN DALAM BULAN PUASA INI DAPAT MEMBANTU KITA MEMBENTUK SIKAP POSITIF YANG PERLU DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN. PERKARA-PERKARA YANG SAYA NYATAKAN INI HARUS KITA AMALKAN BUKAN SAHAJA DI BULAN RAMADHAN TAPI DITERUSKAN DALAM BULAN-BULAN YANG LAIN.

TATKALA BERKUMANDANG SAHAJA TAKBIR RAYA SECARA SIMBOLIKNYA KITA SEMUA UMAT ISLAM TIDAK KIRA DI BUMI MANA SAHAJA KITA BERADA, MENYAMBUT AIDILFITRI SEBAGAI KEMENANGAN MELAWAN HAWA NAFSU SETELAH BERJAYA BERPUASA SELAMA SEBULAN LAMANYA DI BULAN RAMADHAN. NAMUN KITA PERLU MUHASABAH DAN MENGOREKSI DIRI DENGAN MERENUNG KEMBALI KUALITI PUASA YANG KITA LAKUKAN. APAKAH DENGAN BERAKHIRNYA RAMADHAN RASA KETAKWAAN, CAHAYA KEIMANAN DAN OBOR KETAUHIDAN DALAM DIRI KITA BERJAYA DIPERTINGKAT DAN SEMAKIN MENEHAL.

INSYALLAH JIKA OBJEKTIF INI DAPAT DICAPAI MAKA IA MENJADI PETANDA BAHAWA AMALAN KITA DITERIMA OLEH ALLAH. INI JELAS DALAM SETIAP IBADAT, MISALNYA DALAM IBADAT HAJI; JIKA AMALAN SELEPAS MENGERJAKAN HAJI DIKATAKAN BERTAMBAH BAIK DARIPADA AMALAN SEBELUM PERGI HAJI, ITU MENJADIKAN TANDA SEBAGAI

PENERIMAAN ALLAH TERHADAP HAJINYA ATAU MEMPEROLEHI HAJI YANG MABRUR. DEMIKIAN JUGA DENGAN IBADAT PUASA. JIKA TIADA PENINGKATAN ANTARA AMALAN SEBELUM DAN SELEPAS MALAHAN BERTAMBAH TERUK, FAHAMLAH KITA AMALAN PUASA KITA BELUM MENCAIPI TAHAP. IA BERSESUAIAN DENGAN SABDA NABI S.A.W YANG BERMAKSUD:

‘BETAPA RAMAI ORANG YANG BERPUASA YANG TIDAK DAPAT APA KECUALI LAPAR DAN DAHAGA’

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

EID-UL FITR ATAU HARI RAYA AIDIL FITRI BERASAL DARI BAHASA ARAB YANG BERMAKSUD BERULANG-ULANG PADA TIAP-TIAP TAHUN. HARI RAYA AIDIL FITRI YANG JUGA TERKENAL DENGAN NAMA ‘HARI RAYA PUASA’ DI KALANGAN MASYARAKAT KITA, DISYARIATKAN OLEH ALLAH S.W.T UNTUK UMAT ISLAM MERAYAKANNYA. IANYA DISAMBUUT BAGI MENANDAKAN KESYUKURAN UMAT ISLAM DI ATAS KEJAYAAN MEREKA MELAKSANAKAN KEMENANGAN MEREKA DALAM PERJUANGAN MENAHAN HAWA NAFSU DARI PERKARA-PERKARA YANG DITEGAH DI DALAM BULAN PUASA.

RASULULLAH PERNAH BERSABDA YANG BERMAKSUD:

‘BAGI ORANG YANG BERPUASA ITU DUA KEGEMBIRAAN, PERTAMA KEGEMBIRAAN KETIKA MEREKA BERBUKA DAN KEDUA KEGEMBIRAAN MEREKA KETIKA BERTEMU DENGAN TUHAN-NYA YANG MAHA PEMURAH’.

UMAT ISLAM MERAYAKAN HARI RAYA INI DENGAN PENUH KESYUKURAN DAN DENGAN PELBAGAI JENIS AMAL BAKTI YANG Diredhai oleh Allah S.W.T. seperti sembahyang hari raya, ziarah menziarahi sesama kita, bersedekah dan lain-lain lagi. Di hari Lebaran inilah kita seharusnya memanjatkan kesyukuran kerana masih lagi hidup dan berpeluang bertemu sanak saudara mahupun sahabat handai yang mungkin terpisah buat sementara waktu.

Aidil Fitri juga adalah saat di mana kita harus melapangkan dada serta fikiran bermaaf-maafan sesama sendiri. Andai tersilap bicara, terkasar bahasa, hulurkan lah kedua belah tangan dengan penuh keikhlasan memohon ampun dan maaf baik di kalangan ahli keluarga sendiri, sahabat, teman, rakan sepejabat, jiran tetangga tanpa mengenal usia. Murnikan lah bulan Syawal ini dengan saling bermaaf-maafan bagi menggukuhkan dan mempereratkan lagi tali silaturrahim kerana bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat. Seperti mana bait-bait pepatah Inggeris, Let's us forgive and forget.

Bila kita sudah bermaafan pasti akan wujud rasa ketenangan dalam diri kita. Rasa ketenangan yang terbit dari kejujuran hati kita itu sudah cukup menandakan kita telah bermuhasabah dan bermujahadah dalam melawan hawa nafsu atau mungkin sifat-sifat mazmumah yang bertakhta di hati kita selama ini telah gugur dari tangkal kedegilan.

Bagi kami Majlis Aidil Fitri bersama Kukum ini diadakan bagi tujuan mengucapkan rasa syukur dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuanku Canselor Kukum, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang begitu perihatin terhadap

PENCAPAIAN DAN PEMBANGUNAN KUKUM SEBAGAI UNIVERSITI AWAM YANG PALING BONGSU DI NEGARA INI.

KAMI JUGA INGIN MENGUCAPAKAN RASA TERIMA KASIH YANG TIDAK TERHINGGA KEPADA KERAJAAN NEGERI PERLIS DI BAWAH PIMPINAN Y.A.B DATO SERI' SHAHIDAN B. KASSIM SELAKU MENTERI BESAR PERLIS YANG SENTIASA MEMBERI SOKONGAN YANG PADU KEPADA KUKUM. TIDAK KETINGGALAN JUGA KEPADA RAKYAT NEGERI PERLIS YANG TIDAK PERNAH TIDAK LEKANG SOKONGANNYA KEPADA SETIAP AKTIVITI YANG DIANJURKAN OLEH UNIVESITI INI.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN PADA MALAM INI, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA PARA TETAMU KEHORMAT YANG TELAH SUDI HADIR MEMERIAHKAN LAGI MAJLIS KAMI PADA MALAM INI. SYABAS DAN TAHNIAH JUGA DIUCAPKAN KEPADA AHLI JAWATANKUASA MAJLIS AIDILFITRI BERSAMA KUKUM KERANA KESUNGGUHAN DAN DEDIKASI ANDA SEMUA DALAM MEMASTIKAN KELANCARAN DAN KELANGSUNGAN PROGRAM PADA MALAM INI.

LEBARAN KEMBALI MENYINSING
HADIAH DARI ILLAHI
MARILAH KITA ZIARAH-MENZIARAH
RAKAN DAN TAULAN YANG KIAN TERASING

LEBARAN MENJELMA KEMBALI
MENYEGAR KEMBALI JIWA INI
SERIBU KEINSAFAN DIRASA
SERIBU KEMAAFAN KU PINTA.

SAYA SUDAHI DENGAN WABILLAHIT TAUFIK WALHIDAYAH
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHIT TAALA WABARAKATUH.